



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	:	33
TARIKH	:	4/9/2018			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Si kudung Kuala Gandah popular

*Eli kini semakin ceria di pusat latihan gajah*

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

**D**itemui cedera selepas terkena jerat wayar di satu kawasan di Jeli, Kelantan seekor anak gajah betina kehilangan kaki kanan bahagian depan.

Penderitaan Eli yang kini berusia kira-kira dua tahun itu bagaimanapun mendapat perhatian dan diberi penjagaan rapi di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Lanchang.

Mula ditempatkan di pusat berkenaan sejak awal tahun ini, nama Eli dipilih kerana tempat asal haiwan liar itu ditemui di Jeli.



Suri memerhatikan Eli diberikan susu oleh Penyelia anak gajah, Mat Sabri Saadan (kanan) kelmarin.

Eli bertuah kerana menjadi 'anak manja' dan antara tarikan di pusat itu.

Haiwan berkenaan juga kian ceria serta mula menyesuaikan diri selepas insiden malang menimpanya.

Penjaganya, Mohamad Suri Aziz, 41 mengakui bukan tugas mudah menjaga 'Eli' kerana pada peringkat awal

haiwan itu memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kaki palsu yang dipasang hasil sumbangan Universiti Malaya (UM).

"Pada awalnya, Eli perlu menyesuaikan diri dan sebenarnya dia suka dibelai. Dia suka bermain sebab masih kecil.

"Makanan keguna-

rannya adalah tembikai. Pantang jumpa," kata Suri ketika ditemui sempena sambutan Hari Gajah Sedunia 2018 yang dibanjiri lebih 2,000 pengunjung di pusat berkenaan, kelmarin.

Menurut Suri, Eli masih menyusu dan sebanyak 20 liter diperlukan setiap hari.

"Susu enamel dengan



Eli menggunakan kaki palsu sumbangan UM.

campuran gula merah dan sebanyak lima liter diberikan setiap kali dan Eli menyusu sebanyak empat kali sehari.

"Selain tembikai antara makanan yang diberikan kepada Eli ialah rumput nepial," katanya.

Mohamad Suri juga turut berkongsi, Eli juga mudah didekati pengunjung pusat itu

kerana umurnya masih muda menyebabkan dia antara yang menjadi tumpuan orang ramai.

Pusat tersebut yang mula dibuka pada 1989 dan menempatkan sebanyak 30 gajah dari pelbagai lokasi dan usia menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara.